



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
DISEMBER 2025**

**Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia berkembang
4.8 peratus pada Disember 2025, didorong oleh pertumbuhan
kukuh dalam pengeluaran sektor Pembuatan**

PUTRAJAYA, 9 FEBRUARI 2026 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia berkembang 4.8 peratus tahun ke tahun pada Disember 2025, didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam pengeluaran sektor Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia Disember 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Pertumbuhan IPP terus meningkat 4.8 peratus pada Disember 2025 selepas mencatatkan 4.3 peratus pada bulan sebelumnya, mengekalkan momentum positif setiap bulan selama dua tahun berturut-turut. Peningkatan ini disokong oleh sektor Pembuatan yang berkembang sebanyak 6.7 peratus (November 2025: 4.9%), disertai dengan peningkatan 3.7 peratus dalam output Elektrik (November 2025: 2.7%). Namun begitu, pengeluaran sektor Perlombongan merosot 2.5 peratus pada Disember 2025 (November 2025: 2.3%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP memulih kepada 0.2 peratus daripada negatif 1.1 peratus pada November 2025.

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Output berorientasikan eksport yang menyumbang dua pertiga daripada sektor Pembuatan berkembang sebanyak 7.5 peratus pada Disember 2025 berbanding 5.0 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang melonjak sebanyak 13.2 peratus; dan diikuti oleh Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan pada 18.1 peratus. Pengembangan tahun ke tahun ini mencerminkan prestasi eksport negara yang meningkat 10.4 peratus pada Disember 2025. Perbandingan dengan November 2025,

industri berorientasikan eksport mencatatkan penurunan kecil iaitu 0.1 peratus selepas merekodkan negatif 1.8 peratus pada bulan sebelumnya.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik terus mencatatkan prestasi memberangsangkan iaitu 5.2 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 4.6 peratus pada November 2025. Peningkatan industri ini diterajui terutamanya oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan; dan Pembuatan logam asas, kekal kukuh masing-masing dengan mencatatkan pertumbuhan 7.3 peratus dan 7.0 peratus. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 1.0 peratus berbanding pertumbuhan positif 2.3 peratus yang direkodkan pada November 2025.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan pada Disember 2025 menurun sebanyak 2.5 peratus dipengaruhi oleh kejatuhan dalam indeks Gas Asli sebanyak 7.9 peratus (November 2025: 1.0%) manakala, indeks Minyak Mentah & Kondensat meningkat 6.4 peratus (November 2025: 4.3%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, indeks Perlombongan menurun secara marginal 0.9 peratus berbanding pertumbuhan negatif 3.1 peratus yang direkodkan pada November 2025. Sementara itu, penjanaan Elektrik berkembang 3.7 peratus tahun ke tahun pada Disember 2025 selepas mencatatkan peningkatan 2.7 peratus pada bulan sebelumnya. Perbandingan dengan November 2025, indeks Elektrik meningkat 2.0 peratus berbanding negatif 3.0 peratus pada bulan lepas.”

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat termasuk China (5.2%), Vietnam (11.8%), Thailand (2.5%), Japan (2.6%) dan Taiwan (21.6%) sementara, Singapura (8.3%) terus meningkat dengan pertumbuhan marginal pada Disember 2025. Sebaliknya, Korea Selatan (-0.3%) dan Amerika Syarikat (-0.8%) mengalami penurunan pada bulan ini.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi tahun 2025, Ketua Perangkawan berkata, “IPP kekal stabil pada 3.6 peratus pada tahun 2025 berbanding 3.7 peratus pada tahun 2024. Semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif iaitu indeks Pembuatan (4.5%), indeks Perlombongan (0.6%) dan indeks Elektrik (0.8%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Desember 2024 - Desember 2025




Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia Desember 2024 - Desember 2025




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
November 2025 dan Disember 2025**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Disember 2024 - Disember 2025




Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Ekspor Mengikut Kumpulan, Malaysia, November 2025 dan Disember 2025



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, November 2025 dan Disember 2025



Carta 7: Siri Masa Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
9 FEBRUARI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
DECEMBER 2025**

**The Industrial Production Index expanded by 4.8 per cent in
December 2025, driven by strong output growth in the
Manufacturing sector**

PUTRAJAYA, FEBRUARY 9, 2026 – The Industrial Production Index expanded by 4.8 per cent year-on-year in December 2025, driven by strong output growth in the Manufacturing sector. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, December 2025**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The IPI's growth further increased by 4.8 per cent in December 2025 after registering 4.3 per cent in the previous month, sustaining a positive monthly momentum for two consecutive years. The expansion was supported by the Manufacturing sector, which expanded by 6.7 per cent (November 2025: 4.9%) coupled with the rise of 3.7 per cent in Electricity output (November 2025: 2.7%). However, the Mining sector production decreased by 2.5 per cent in December 2025 (November 2025: 2.3%). In terms of month-on-month, the IPI rebounded to 0.2 per cent from negative 1.1 per cent registered in November 2025."

The Chief Statistician further commented, "The output for the export-oriented industries which accounted for two-thirds of Manufacturing sector, expanded by 7.5 per cent in December 2025 as compared to 5.0 per cent registered in the previous month. The expansion was supported mainly by the Manufacture of computer, electronics & optical products which augmented by 13.2 per cent; and followed by the Manufacture of vegetable & animal oils & fats at 18.1 per cent. The year-on-year expansion mirrored the country's export performance, which surged by 10.4 per cent in December 2025. Compared to November 2025, the export-oriented industries registering a mild declined of 0.1 per cent after recording a negative 1.8 per cent growth in the previous month.

In the meantime, the domestic-oriented industries continued to perform favourably, at 5.2 per cent after registering growth of 4.6 per cent in November 2025. The increase in these industries was primarily led by Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment; and the Manufacture of basic metals which remain strong, growing by 7.3 per cent and 7.0 per cent respectively. In comparison to the preceding month, the domestic-oriented industries grew modestly by 1.0 per cent as against the positive growth of 2.3 per cent recorded in November 2025.”

Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The production of Mining sector in December 2025 edged down by 2.5 per cent influenced by a decline in the Natural Gas index dropped by 7.9 per cent (November 2025: 1.0%) while the Crude Oil & Condensate index increased by 6.4 per cent (November 2025: 4.3%). As compared to the previous month, the Mining index declined marginally at 0.9 per cent as compared to the growth of negative 3.1 per cent recorded in November 2025. Meanwhile, the generation of Electricity expanded by 3.7 per cent year-on-year in December 2025 after registering an increase of 2.7 per cent in the preceding month. In comparison with November 2025, the Electricity index turn around by 2.0 per cent as against the negative 3.0 per cent in the previous month.”

On a global scale, the IPI for several countries increased, including China (5.2%), Vietnam (11.8%), Thailand (2.5%), Japan (2.6%) and Taiwan (21.6%), while Singapore (8.3%) continued to increase with a marginal growth in December 2025. Conversely, South Korea (-0.3%) and United States (-0.8%) experienced a decline during this month.


Summarising his statement on the IPI performance for the year 2025, the Chief Statistician said, “The IPI remained stable by 3.6 per cent in 2025 as compared to 3.7 per cent in 2024. All sectors posted positive growth namely Manufacturing index (4.5%); Mining index (0.6%); and Electricity index (0.8%).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
December 2024 – December 2025**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
December 2024 – December 2025**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, November 2025 and December 2025




Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, December 2024 – December 2025




Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, November 2025 and December 2025




Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, November 2025 and December 2025





Chart 7: Time Series Industrial Production Index, Malaysia



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 FEBRUARY 2026**